

# Internet gerbang jenayah seksual

Penggunaan gajet memudahkan akses pedofilia terhadap kanak-kanak

**S**esapa saja boleh mengakses maklumat siber kerana internet tanpa wayar begitu meluas di mana saja tanpa memerlukan kemudahan itu secara berbayar.

Tidak lagi perlu bersusah payah pergi ke kafe siber untuk melayari internet kerana raman sekarang ini ramai mampu memasang internet di rumah, selain kebanyakan tempat menyediakan akses percuma.

Persoalannya, adakah media sosial itu menjadi platform yang membawa kesan positif terutama kanak-kanak yang diberikan akses tanpa had dan pemantauan golongan dewasa.

Pensyarah Kanan dan Pakar Kriminologi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Muhammad Rahim Kamaluddin, berkata dunia siber adalah gerbang jenayah seksual terutama terhadap kanak-kanak.

### Akses lebih meluas

Menurut beliau, tiga modus operandi digunakan penjenayah seksual iaitu mereka menggunakan pendekatan, taktik dan mengumpun kanak-kanak untuk menyuruskkan pelakuan seks.

Beliau yang banyak melakukan penyiasatan dan forensik berhubung jenayah seksual kanak-kanak, berkata pedofilia, pencabulan, jenayah seksual, pelacuran dan eksploitasi siber contoh jenayah seksual terhadap golongan itu.

"Pada asasnya tiga elemen dikenal pasti menjadi petunjuk pelaku mendekati kanak-kanak bagi menjadikan mereka mangsa.

"Dulu sebelum ledakan dunia siber, pelaku hanya mencari kanak-kanak dalam kalangan anak jiran, anak saudara, adik-beradik, anak kawan atau kanak-kanak yang diasuh ibu bapanya.

"Bagaimanapun, transformasi internet mengubah kelompok mangsa apabila pelaku menggunakan internet, gajet, teknologi untuk memudahkan akses



(FOTO ILMUANI)



Transformasi internet mengubah kelompok mangsa apabila pelaku menggunakan internet, gajet, teknologi untuk memudahkan akses terhadap kanak-kanak dengan lebih meluas"

Dr Muhammad Rahim Kamaluddin, Pensyarah Kanan dan Pakar Kriminologi UKM

terhadap kanak-kanak dengan lebih meluas," katanya ketika dihubungi Aura, baru-baru ini.

### Internet jadi katalog

Muhammad Rahim berkata, media sosial berperanan menjadi katalog bagi pelaku seksual untuk memilih kanak-kanak mengikut cita rasa berikutan mudah mengakses akaun Instagram dan Facebook yang didaftarkan sendiri atas nama kanak-kanak itu.

Boleh dikatakan, kebanyakan kanak-kanak memiliki beberapa akaun media sosial terutama mereka yang tinggal di bandar, membuatkan lebih ramai kanak-kanak lebih mudah menjadi mangsa jenayah seksual.

"Faktor ini membekalkan peluang kepada pelaku untuk menilai sama ada mangsa mudah untuk didekati, dimumpan dengan sesuatu ganjaran atau hadiah.

Ini berkait rapat apabila

aktiviti seseorang kanak-kanak itu tidak dipantau ibu bapa, mereka kurang diberikan perhatian dan mengamalkan gaya hidup berisiko seperti keluar lewat malam, ponteng sekolah dan melopak sendirian," katanya.

### Guna pelbagai taktik

Melihat kecenderungan kanak-kanak itu jarang dipedulikan, ini meningkatkan peluang mereka dijadikan sasaran untuk didekati sekali gus diheret untuk pelakuan jenayah seksual.

"Ini membuatkan pelaku seksual mempunyai pelbagai taktik untuk digunakan sebelum, semasa dan selepas jenayah seksual kanak-kanak tanpa menggunakan paksaan atau kekerasan.

"Taktik seperti memberikan hadiah, tambah nilai hadiah dan sering mendengar bualan perasaaan si mangsa untuk meyakinkan mereka disa-

yang, ambil berat, berjanji menyimpan rahsia antara mereka berdua sahaja," katanya.

### Jaliti ikatan

Pendekatan sedemikian menjadi permula dihil grooming iaitu mengamburkan proses (persiapan awal) yang mana pelaku seksual groom kanak-kanak yang berpotensi dijadikan mangsa seksual.

"Ini proses membina kepercayaan dan menjalinkan ikatan emosi dengan mangsa, sebelum beranjak ke fasa seksual seperti mengajar hubungan seks, berbulu licu dan memujuk untuk melakukan hubungan seks sebagai proses menubuh.

"Ini membuatkan sesiapa saja boleh menjadi mangsa kerana pelaku menyasarkan anak kenalan, jiran, ahli keluarga, saudara-mara, orang tidak dikenali, rakan di media sosial atau profesional," katanya.

## info

### Ciri boleh digunakan untuk memperihalkan kanak-kanak lemah (vulnerable)

Kanak-kanak yang terlalu naif (tidak tahu tentang jenayah seksual)

Kanak-kanak yang menunjukkan minat dalam perbuluan (faktor buli - perkembangan seksual remaja)

Kanak-kanak yang mempamerkan kawalan emosi yang lemah

Kanak-kanak yang dibesarkan dengan gaya keibubapaan yang permisif, dubekal dan terlalu dikongkong